





[Experts](#)

Melangkaui Pengajaran: Peranan Strategik Guru Bahasa UMPSA dalam Ekosistem Universiti

31 December 2025

Peranan seseorang guru bahasa di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bukan sekadar tertumpu kepada pengajaran kursus-kursus bahasa dan komunikasi di bilik kuliah semata-mata. Di Pusat Bahasa Moden (PBM), kepakaran mereka dalam bidang bahasa, komunikasi dan kepekaan unsur silang budaya telah membolehkan mereka menyumbang secara signifikan dalam pelbagai aspek pentadbiran, penganjuran acara serta komunikasi korporat universiti. Sumbangan ini

sekali gus memperlihatkan peranan guru bahasa sebagai sebahagian daripada tonggak penting yang menyokong kelancaran operasi dan imej universiti.

Sumbangan guru bahasa dapat dilihat dengan jelas dalam penganjuran acara rasmi UMPSA seperti istiadat konvokesyen, majlis perasmian, program korporat dan pelbagai acara berprofil tinggi universiti yang lain. Penganjuran acara sebegini menuntut tahap profesionalisme yang tinggi, khususnya dari segi ketepatan bahasa, pematuhan protokol rasmi serta penyampaian yang berwibawa. Keperluan ini selari dengan latihan, pengalaman dan kemahiran yang dimiliki oleh guru bahasa, sekali gus menjadikan mereka antara sumber kepakaran dalaman yang sering dirujuk oleh pihak universiti.

Antara peranan penting yang sering digalas oleh guru bahasa ialah sebagai Pengacara Majlis (Master of Ceremony) bagi acara-acara rasmi UMPSA, sama ada dalam bahasa Melayu, bahasa Inggeris mahupun bahasa-bahasa asing lain yang turut ditawarkan di PBM. Keupayaan mereka mengendalikan majlis secara berkesan, tersusun dan beretika - terutamanya dalam aspek penggunaan laras bahasa yang sesuai - menyumbang kepada kelancaran perjalanan majlis serta memelihara imej profesional universiti di mata warga kampus dan pihak luar.

Selain itu, guru bahasa turut menyumbang khidmat bakti mereka sebagai Penulis dan Penyunting Teks Ucapan (Text Author and Editor) bagi majlis-majlis rasmi dan upacara yang penuh istiadat seperti Majlis Konvokesyen UMPSA. Kepakaran ini memastikan setiap ucapan dan teks rasmi dapat disampaikan dengan struktur bahasa yang kemas, jelas dan berkesan, di samping menepati konteks budaya, etika dan protokol universiti. Peranan ini amat penting kerana teks ucapan rasmi mencerminkan pemikiran, nilai dan hala tuju kepimpinan universiti.

Guru bahasa juga memainkan peranan sebagai Pegawai Perhubungan (Liaison Officer), khususnya dalam mengurus kehadiran dan pergerakan tetamu kehormat serta delegasi jemputan. Kemahiran komunikasi interpersonal yang tinggi serta kebolehan bertutur dalam pelbagai bahasa menjadikan mereka aset penting dalam memastikan perjalanan sesebuah acara berlangsung dengan lancar dan tersusun. Hal ini menjadi lebih signifikan apabila penganjuran sesebuah acara di universiti turut melibatkan wakil-wakil kedutaan asing serta delegasi antarabangsa, yang memerlukan kefahaman budaya dan komunikasi rentas bahasa yang berkesan.

Dalam aspek media dan komunikasi korporat pula, guru bahasa turut terlibat sebagai Bakat Suara (Voice-Over Talent) bagi penyediaan video-video rasmi dan korporat universiti, di samping bahan promosi dan penerbitan multimedia UMPSA. Kejelasan sebutan, kawalan intonasi serta mutu penyampaian suara yang baik membantu menyampaikan mesej universiti secara profesional, lebih berkesan dan meyakinkan kepada khalayak yang lebih luas, sama ada di peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Selain itu, mereka turut berperanan sebagai penterjemah dan Pembaca Pruf (Translator and Proofreader), memastikan terjemahan, penggunaan istilah serta ejaan dalam dokumen-dokumen rasmi, laporan, bahan promosi dan penerbitan universiti disampaikan dengan tepat, konsisten dan berkualiti tinggi dalam pelbagai bahasa. Peranan ini secara langsung menyokong usaha UMPSA untuk mengekalkan standard komunikasi yang tinggi serta memperkukuh aspirasi universiti sebagai sebuah institusi pendidikan tinggi yang berdaya saing di peringkat global.

Secara keseluruhannya, penglibatan aktif Guru Bahasa PBM dalam pelbagai tugas di luar bilik kuliah mencerminkan kepelbagaian kemahiran, fleksibiliti serta sumbangan profesional mereka kepada universiti. Mereka bukan sahaja berperanan sebagai pendidik bahasa, malah turut berfungsi

sebagai rakan strategik dalam memperkukuh komunikasi institusi, pengurusan acara dan pembentukan imej korporat UMPSA.

Peranan yang bersifat pelbagai dan strategik ini menyerlahkan guru bahasa sebagai antara penggerak utama komunikasi berkesan di UMPSA, seiring dengan visi universiti ke arah kecemerlangan akademik, keterlibatan global dan kepimpinan yang berteraskan profesionalisme serta kualiti perkhidmatan yang tinggi.



Oleh: KHAIRUL AMRI ABDUL AZIZ

E-mel: amri@umpsa.edu.my

Penulis adalah Guru Bahasa, Pusat Bahasa Moden (PBM), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

Rencana ini merupakan pandangan peribadi penulis dan tidak menggambarkan pendirian rasmi Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA).

- 169 views

[View PDF](#)